

# Pendidikan percuma, pemansuhan PTPTN beri impak negatif

JANJI pakatan pembangkang seperti yang terdapat pada manifesto Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU-13) untuk memberi pendidikan percuma hanya memberi impak negatif dan menyusahkan sama ada pihak institusi pengajian tinggi awam (IPTA) mahupun swasta (IPTS).

Naib Canselor Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof. Datuk Dr. Mohd. Fauzi Ramlan berkata, pendidikan di peringkat tertinggi seperti universiti memerlukan peruntukan yang banyak dalam menjalankan agenda pengajaran dan pembelajaran (P&P), penyelidikan saintifik dan perkongsian ilmu dengan masyarakat.

"Sekiranya percuma akan menurunkan kualiti tenaga pengajar dan tidak menarik pensyarah yang hebat dalam pengajaran.

"Universiti terkemuka di dunia juga tidak mengamalkan pendidikan percuma. Ini adalah helahan politik dan janji kosong pembangkang," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* baru-baru ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai manifesto pakatan pembangkang sempena PRU-13 yang menjanjikan pendidikan percuma termasuk memansuhkan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN).

Menurut Mohd. Fauzi, pemansuhan PTPTN dianggap kurang tepat memandangkan ia merupakan salah satu cara membantu pihak yang kurang mampu untuk terus mencipta kemajuan di bidang pelajaran tertinggi.

"Jika kita lihat di negara jiran seperti Indonesia dan Thailand, ada di antara pelajar cerdas yang kurang mampu terpaksa bekerja untuk menampung pengajian.

"Bagi saya, jangan terpedaya tentang isu pemansuhan PTPTN dan pendidikan percuma oleh pihak yang tidak mengkaji impak dan masa depan negara, ia hanya satu bahan politik pihak terbabit tetapi yang menjadi mangsa adalah dari kalangan IPTA dan IPTS terutama golongan pelajar,"ujarnya.

Sementara itu, Naib Canselor Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), Prof. Datuk Dr. Kamarudin Hussin berkata, manifesto pakatan pembangkang tidak masuk akal dan tidak mungkin dapat dilakukan secara realitinya.

Menurutnya, memajukan pendidikan memerlukan bajet yang munasabah dan tidak mungkin dapat dipraktikkan secara percuma apatah lagi pihak terbabit berhasrat mahu memansuhkan PTPTN yang amat

diperlukan oleh pelajar untuk menyambung pengajian.

"Dalam dunia ini mana ada benda yang percuma dan jika ada pun, ia pasti tidak ada nilai, misalnya kelas tuisyen, disebabkan ia dibayar sebab itu pelajar komited mengikuti pembelajaran di bawahnya termasuk penyediaan



MOHD. FAUZI RAMLAN



KAMARUDIN HUSSIN

tenaga pengajarnya," katanya.

Sambil menyifatkan ia sebagai satu gimik politik pihak tertentu, kata Kamarudin, tindakan tersebut pasti menyusahkan institusi pengajian tinggi malah merosakan pembangunan yang dirangka mengenainya.

Dalam perkembangan berkaitan, langkah PTPTN menukar status pinjaman kepada biasiswa untuk pelajar yang mendapat keputusan cemerlang adalah lebih praktikal.

Sebanyak 16,051 penuntut institusi pengajian tinggi (IPT) menerima biasiswa daripada PTPTN setelah berjaya memperoleh ijazah kelas pertama dalam pengajian yang diikuti mereka.

Kumpulan penuntut tersebut merupakan peminjam PTPTN yang dikecualikan daripada membayar balik dan menukarnya kepada biasiswa setelah memperoleh keputusan cemerlang.

Sehingga 31 Januari lalu, PTPTN telah menukarkan pinjaman sebanyak RM450.47 juta kepada biasiswa bagi menghargai kesungguhan para penuntut terbabit yang berusaha mencapai keputusan berkenaan.

Sebanyak 17,317 peminjam berjaya membuat bayaran balik penuh pada kadar potongan 20 peratus sejak Oktober 2012 sehingga 31 Januari lalu, memabitkan diskaun sebanyak RM62.11 juta.

Dalam pada itu, sebanyak RM4.24 billion lagi diperuntukkan bagi memberikan kemudahan pinjaman kepada para penuntut IPT tahun ini iaitu RM2.9 bilion bagi 501,414 penuntut sedia ada manakala RM1.3 bilion pula untuk 211,098 penuntut baharu.

